

Hepi Andi Bastoni

Wajah Politik

# Muawiyah Bin Abi Sufian

Sahabat Nabi dan Pakar Strategi



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA




PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

---

**HEPI ANDI BASTONI**

**WAJAH POLITIK  
MUAWIYAH  
BIN ABI SUFIAN  
Sahabat Nabi saw  
Dan Pakar Strategi**



**ALAM RAYA ENTERPRISE  
SDN BHD  
(2010)**

**PUSTAKA PERDANA**



**1008738**



**PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA**

---

ISBN: 978-967-5688-11-9

Cetakan Pertama: Oktober 2010

© ALAM RAYA ENTERPRISE SDN BHD

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang terbit mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Alam Raya Enterprise Sdn Bhd. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

---

## WAJAH POLITIK

MUAWIYAH BIN ABI SUFIAN, SAHABAT NABI SAW DAN PAKAR STRATEGI

*Penulis:* Hepi Andi Bastoni

---

*Editor Bahasa Malaysia/ Proof Reader:*

Rohayah Binti Ishak

*Layout:*

Mohd Mat Yaman (isherald\_perkim@yahoo.com)

*Cover Designer:*

Mohammad Hafif Abdul Shukur

---

*Penerbit:*

ALAM RAYA ENTERPRISE SDN BHD

No.21, Jalan 65C, Off Jalan Pahang Barat

Pekeliling Business Centre, 53000 Kuala Lumpur

Tel: +603-40230320/012-2104051

Faks: 603-40240320; Pemasaran: 019-3665075

E-mail: majawahir@gmail.com

Web: mutiarailmubook.com

---

*Pencetak:*

PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD.

18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park

68100 Batu Caves, Selangor D.E.



---

# Prakata Penerbit

AGAK jarang kita temui buku berkenaan Muawiyah bin Abi Sufian. Adakah kerana tokoh ini dianggap kontroversi bagi sesetengah pihak, ataupun disebabkan kesukaran untuk mendapatkan rujukan yang faktual tentang sejarah dan peranan khalifah yang satu ini? Namun yang jelas, beliau adalah sahabat Rasulullah saw yang mempunyai peranan besar dalam perjuangan membela dan meluaskan wilayah dakwah Islam.

Keluasan wilayah Islam yang sebelumnya sehingga di sebahagian benua Afrika, namun semasa kekhalifahan Umayyah, meluas sehingga ke Andalusia, Sepanyol iaitu di benua Eropah. Pada masa itulah juga pusat-pusat peradaban Islam berkembang dengan majunya, seiring dengan perkembangan kemajuan ilmu pengetahuan berupa ilmu tafsir, ilmu hadis, fekah, senibina, arkitek, bahasa dan sebagainya. Ini adalah bukti dari kemajuan yang dicapai oleh kekhalifahan Umayyah.

Dari 14 khalifah Umayyah, empat yang paling menonjol iaitu Muawiyah bin Abi Sufian, Marwan bin Hakam dan anaknya Abdul Malik bin Marwan, dan sudah tentu yang tidak asing lagi iaitu Umar bin Abdul Aziz yang cuma memerintah 2.5 tahun itu. Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini sebelum menjawat jawatan khalifah, adalah seorang yang kaya-raya dan hidup penuh mewah. Bagaimanapun setelah menjadi khalifah, peribadi ini muncul sebagai *zahid* dan *abid*, yang sentiasa memberi contoh dan keteladanan dengan hidup yang sangat sederhana.

Itulah sebabnya penerbit dengan begitu yakin menerbitkan buku **Wajah Politik Muawiyah bin Abi Sufian, Sahabat Nabi saw dan Pakar Strategi**. Paling tidak buku ini bakal menambahkan khazanah dan rujukan pembaca tentang keluasan dan perjalanan panjang sejarah Islam. Apa lagi buku ini dinukilkan oleh penulis muda yang kreatif iaitu Hapi Andi Bastoni yang telah menulis banyak buku termasuk **Sejarah Para Khalifah** dan yang terkenal di Malaysia iaitu **Di Antara Dua Umar**.

Selamat menikmati buku ini dan mengkaji serta bermuhasabah setelah membacanya. Amin.

Kuala Lumpur

Syawal 1431H / September 2010



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

---

# Pengantar Penulis

ALHAMDULILLAH. Selawat dan salam semoga dilimpahkan kepada Rasulullah saw, para sahabat, tabiin, tabi'tabiin dan orang-orang yang mengikuti ajarannya hingga Hari Akhirat nanti.

Sudah lama draf buku ini dirancangan. Perihal Muawiyah bin Abi Sufian begitu bersemangat untuk ditulis. Semakin banyak rujukan yang dilahap, semangat untuk menyelesaikan biografi sahabat Nabi saw ini kian memuncak, apa lagi setelah buku Sejarah Para Khalifah telah diterbitkan. Dan keinginan untuk menyelesaikan kajian tokoh kontroversi ini semakin besar.

Mengapakah cerita tentang Muawiyah ini menarik untuk dibaca? Paling tidak, ada tiga alasan: *pertama*, dalam bentangan sejarah Islam, Muawiyah merupakan tokoh yang lahir dari ibu bapa yang mana kedua-duanya adalah juga tergolong dalam kalangan tokoh. Mereka itu Abu Sufian bin Harb dan Hindun binti Utbah. Ini yang membuatkan nama Muawiyah melekat dalam kajian sejarah Islam, apa lagi ibu bapanya itu, sebelum menganut Islam merupakan tokoh yang gigih memerangi Nabi saw, terutama sebagaimana dalam peristiwa Fathu Makkah.

*Kedua*, tiada yang boleh dinafikan, jasa Muawiyah bin Abi Sufian terhadap peradaban Islam, yang sememangnya besar. Beliau bukan hanya mampu menamatkan berbagai konflik yang bergelora sesama kaum Muslimin pada zamannya, juga berjaya mengukuhkan asas pembangunan peradaban Islam.

Beliaulah yang meletakkan asas Daulah Umayyah, sebuah dinasti yang telah memberikan jasa yang begitu besar terhadap dunia Islam.

Ketiga, ketika membicarakan tentang Muawiyah, kita akan menemui perseteruan dua kelompok - sebahagian daripada kalangan Sunnah dan Syiah - yang begitu sengit. Pada satu pihak, begitu mengagungkan Muawiyah, dan di satu pihak ada yang membencinya habis-habisan serta melontar maki-makian yang sangat berlebihan.

Ironisnya, kebencian sebahagian dari kalangan itu terhadap Muawiyah benar-benar tidak terbendung. Bahkan, pada sebahagian buku sejarah yang menjadi rujukan pelajar-pelajar sekolah, kita temui betapa para penulis turut terjebak untuk menggelarkan Muawiyah dengan gelaran-gelaran yang sangat jauh dari akhlak Islam. Mereka menyebut Muawiyah sebagai orang yang licik, penipu, musang berbulu ayam dan lain-lain.

Dalam buku Sejarah Kebudayaan Islam karangan Prof H Chatibul Umam dan Drs Abidin Nawawi, disebutkan, "Muawiyah bin Abi Sufian sudah terkenal dengan kecaman dan tipu muslihatnya yang licik. Beliau adalah ketua angkatan perang yang pertama dalam mengurus angkatan laut, dan beliau pernah dijadikan amir "Al-Bahar"."

Pada perenggan di halaman seterusnya, penyusun buku ini menambahkan, "Muawiyah bin Abi Sufian dalam mengasaskan daulah Bani Umayyah menggunakan politik licik dan tipu muslihat, meskipun pekerjaan begitu bertentangan dengan ajaran Islam. Beliau tidak segan melakukan kejahatan. Pembunuhan adalah cara biasa, asalkan maksud dan matlamatnya tercapai."

Untuk menutup pemaparannya tentang Muawiyah, penyusun buku tersebut menyimpulkan, "Jadi tidak salah kalau